

NILAI KEMANUSIAAN DAN CABARAN PENGEKALAN HUBUNGAN ETNIK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DALAM REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (IR4.0)

**CHE SULAILA CHE HARUN¹, WAN ZULKIFLI WAN HASSAN^{1,2}, MASHITOH
YAACOB^{1,2}**

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Nilai kemanusiaan memainkan peranan penting dalam membentuk karekter seseorang khususnya pada era masakini yang semakin mencabar. Ia dapat diperolehi melalui kefahaman terhadap agama yang merupakan cabang utama dalam pembentukan nilai kemanusiaan seseorang. Hubungan antara agama, budaya dan etnik bukanlah sekadar satu proses semulajadi, malah ia memerlukan suatu kefahaman terhadap agama yang mampu memupuk masyarakat agar menanamkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri bagi menghadapi cabaran kehidupan moden masakini. Dalam era Revolusi Industri 4.0, timbul pelbagai ancaman dalam kalangan sesetengah masyarakat mengenai penghayatan nilai kemanusiaan kerana mereka begitu mengagung-agungkan sains dan teknologi sehingga mencabar norma-norma kehidupan masyarakat yang harmoni. Keadaan ini jika dibiarkan pasti akan mendatangkan kesan negatif terutamanya terhadap perpaduan etnik dalam negara. Pegangan kepada nilai kemanusiaan merupakan aspek penting bagi mengukuhkan agen pembangunan dalam sesebuah negara tanpa dihanyutkan oleh arus kemajuan yang pesat. Unsur-unsur baik yang perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat adalah dengan menghayati nilai kemanusiaan yang tinggi seperti dalam hubungan etnik menurut Islam. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti apakah cabaran-cabaran Revolusi Industri 4.0 dari sudut nilai kemanusiaan dan bagaimanakah penerapan nilai kemanusiaan antara etnik menurut Islam dapat digunakan dalam mengekalkan keharmonian etnik yang terdapat di Malaysia. Kaedah kajian adalah kualitatif, iaitu data kajian diperolehi melalui kajian kepustakaan dan data dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan masyarakat mampu membentuk nilai kemanusiaan yang tinggi melalui amalan hubungan etnik menurut Islam. Ia sekaligus dapat menyumbang kepada pembentukan karakter masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi di Malaysia.

Kata kunci: Nilai Kemanusiaan, Revolusi Industri 4.0, Hubungan etnik

ABSTRACT

Human values play an important role in shaping one's character, especially in today's increasingly challenging era. It can be obtained through an understanding of religion which is the main branch in the formation of one's human values. The relationship between religion, culture and ethnicity is not just a natural process, but it requires an understanding of religion that is able to cultivate society in order to inculcate human values in oneself to face the challenges of modern life today. In the era of the Industrial Revolution 4.0, various threats arose among some communities about the appreciation of human values because they so

glorified science and technology that they challenged the norms of harmonious society. If left unchecked, this situation will definitely have a negative impact, especially on ethnic unity in the country. Holding on to human values is an important aspect to strengthen development agents in a country without being swept away by the current of rapid progress. The good elements that need to be applied in society is to appreciate the high values of humanity as in ethnic relations according to Islam. This study was conducted to identify what are the challenges of the Industrial Revolution 4.0 in terms of human values and how the application of inter-ethnic human values according to Islam can be used in maintaining the ethnic harmony found in Malaysia. The research method is qualitative, i.e. the study data is obtained through library research and the data is analyzed descriptively. The results show that society is able to form a high value of humanity through the practice of ethnic relations according to Islam. It can also contribute to the formation of a character of society that has a high identity in Malaysia.

Keywords: *Humanitarian Values, Industrial Revolution 4.0, Ethnic Relations*

CABARAN IR4.0 DALAM KONTEKS NILAI KEMANUSIAAN

Nilai kemanusiaan bermaksud ukuran kualiti seseorang insan yang bergelar manusia. Manakala manusia pula merujuk kepada kepandaian dan kebolehan fizikal dan mental mengikut fitrah kejadian semulajadinya. IR4.0 yang dipacukan adalah berdasarkan kepada asas digital yang diusahakan untuk menggantikan peranan dan tanggungjawab manusia. Dari sudut kemanusiaan, globalisasi dalam perindustrian ini telah memberi kesan kepada penggunaan manusia. Dalam Islam, manusia adalah khalifah Allah SWT. Manusia bukan sahaja berperanan untuk mengurus dan mentadbirkan alam, tetapi manusia juga memiliki roh, qalb, nafs, akal dan jasad yang kesemuanya perlu wujud secara seimbang dalam diri seorang insan.

Penciptaan robot Sophia misalnya, telah menggantikan peranan manusia sehingga mencabuli hak asasi manusia sebenar (Van Badham 2017). Interaksi manusia dan robot tidak akan memenuhi nilai dan norma sejagat, walaupun perkahwinan antara robot Yingying dengan penciptanya sendiri yang berasal dari China (Haas, 2017), hanya menunjukkan nilai kepintaran manusia dan bukannya fitrah semulajadi manusia. Kewujudkan robot-robot seperti ini dianggap sebagai *sex dolls* apabila dijadikan pasangan hidup dan sebagai jururawat apabila dijadikan pengganti dalam menguruskan warga tua di Jepun (Daniel Hurst 2018). Oleh yang demikian, satu model nilai kemanusiaan perlu dibangunkan agar perkembangan teknologi dalam IR4.0 tidak mengetepikan fitrah manusia.

CABARAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Globalisasi telah memasuki era baru yang dinamakan Revolusi Perindustrian 4.0. (RP4.0). Di Malaysia, RP4.0 atau dikenali sebagai Industri 4.0 mengguna pakai pelbagai *convergence of technologies* dalam sesuatu sistem perindustrian. RP4.0 mempunyai wawasan yang lebih realistik merangkumi IoT, *Industrial Internet*, *Smart Manufacturing* dan *Cloud based Manufacturing* (Vaidyaa et al., 2018). Trend semasa teknologi pembuatan kini antaranya seperti melibatkan *automation*, IoT dan *cyber-physical systems*. Dalam perkembangan ini IoT dilihat sebagai platform yang paling sesuai untuk *leverage* pelbagai bidang teknologi bagi memberi nilai tambah kepada pelbagai industri dalam negara. Ia bukan sahaja memberi kesan transformasi keseluruhan sistem dalam negara seperti syarikat, industri dan masyarakat tetapi juga melibatkan rangkaian sistem antarabangsa.

Oleh itu, kunci dalam menghadapi IR4.0 adalah bukan sahaja tertumpu kepada kemajuan teknologi, namun di sudut lain diperlukan juga nilai yang boleh dipegang oleh anggota masyarakat agar kesan negatif daripada perkembangan teknologi IR4.0 dapat ditangani dengan sewajarnya. Nilai-nilai ini dapat menjadi pengimbang agar anggota masyarakat mampu terlibat sama dalam aktiviti IR4.0 secara yang lebih tersusun dan memenuhi tuntutan nilai masyarakat (Abdul Khalil, Othman, & Saidon 2020).

Nilai masyarakat ini penting untuk digunakan sebagai rujukan dalam menangani isu-isu yang dibawa oleh perkembangan IR4.0 seperti *cyber-syndrome*, jenayah siber, penggodam, plagiarisme dalam pendidikan, penapisan maklumat siber yang sukar dan sebagainya. Maka kajian ini akan meninjau beberapa perubahan yang berlaku kepada peranan manusia, penciptaan humanoid dan sektor pekerjaan kesan daripada pembawaan teknologi IR4.0.

CABARAN JARINGAN PERHUBUNGAN

Perubahan cara hidup yang berlaku pada hari ini membuatkan ramai pihak membincangkan tentang IR4.0. Perkembangan teknologi yang berlaku sering memberi impak besar kepada perubahan budaya, nilai, agama, cara hidup, cara berfikir dan sebagainya. Teknologi peneraju utama IR4.0 iaitu *Internet of Things* (IoT) adalah di mana manusia dan objek disediakan dengan identiti eksklusif dan kemampuan untuk pindah data melalui jaringan tanpa memerlukan dua arah antara manusia ke manusia iaitu interaksi manusia ke komputer (Burange & Misalkar 2015). IoT merupakan perkembangan keilmuan yang mengoptimumkan kehidupan berdasarkan sensor cerdas dan peralatan pintar yang bekerjasama melalui jaringan internet (Keoh, Kumar & Tschofenig 2014). Ia juga menghubungkan peralatan (*things*) kepada infrastruktur internet (wayar atau tanpa wayar) dan menggunakan perhubungan tersebut untuk memantau atau mengawal peralatan secara jarak jauh. Hal ini dengan menghubungkan berbilion-bilion individu ke dalam satu jaringan (*web*), akan meningkatkan kecekapan perniagaan dan organisasi secara drastik serta membantu menubuhkan semula persekitaran semula jadi melalui pengurusan aset yang lebih baik. Keadaan ini membawa kepada era industri untuk bidang-bidang seperti robotik dan AI, teknologi nano, perkomputeran kuantum, kejuruteraan genetik, teknologi bio, dan pencetak 3D (Schwab 2016; Hermann, Pentek & Otto 2016).

Penerapan teknologi maklumat dan komunikasi kepada industri penting apabila IoT menjadi pemacu utama dalam IR4.0, misalnya penggunaan aplikasi navigasi seperti Waze atau Google Maps yang menyediakan pemandu tentang maklumat laluan serta perjalanan, teknologi berimpak tinggi seperti 4G dan 5G serta *Cloud Computing*, *digital economy*, *AI*, *big data*, *robotic*, *blockchain*, *3D printing*, *Big Data*, teknologi angkasa, sistem keselamatan CCTV dan sebagainya (Vaidyaa et al., 2018). Penguasaan *coding* juga amat penting bagi memudahkan interaksi dengan teknologi. Facebook misalnya adalah hasil daripada seorang pelajar yang mengevolusi sempadan dengan menggabungkan *high level languages* dengan *Graphical User Interface* (GUI), malah Netflix, Twitter juga dihasilkan dengan menggunakan *code* (Wood, et.al. 2017). Maklumat yang muncul secara berperingkat dalam berbagai bentuk dan ukuran ini telah berkembang pesat sehingga boleh menjadi tidak terkendali (*overload*) (Wood, et.al. 2017; Schwab 2016).

Interaksi sosial misalnya menjadi tanpa batas (*unlimited*) kerana kemudahan akses internet dan teknologi. Klaus Schwab (2016) meramalkan IR4.0 akan memberi kesan yang mendalam kepada keselamatan dalam negara dan antarabangsa. Melalui kemudahan akses digital, akhlak, sikap dan perilaku masyarakat pun mula berubah. Di sebalik kemudahan teknologi yang ditawarkan dalam IR4.0, kesan negatif dan ancaman turut berlaku terhadap identiti manusia seperti rasa kebersendirian (*privacy*), tanggapan tentang pemilikan (*notion of*

ownership), cara menggunakannya (*consumption pattern*), masa yang diperuntukkan untuk bekerja dan berehat, bagaimana membina kerjaya, serta membina dan memupuk kemahiran (Schwab 2016).

CABARAN PENGEKALAN HUBUNGAN ETNIK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Etnik merujuk kepada sekelompok manusia yang mengamalkan budaya yang hampir seragam, termasuk adat resam, pakaian, bahasa, dan kegiatan ekonomi. Kepelbagaian etnik di dalam sesebuah masyarakat tidak harus dijadikan penghalang untuk bersatu-padu sesama etnik walaupun berasal daripada etnik yang berbeza (Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Masyarakat merujuk kepada sekumpulan manusia yang hidup bersama-sama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu, yang saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Individu akan membentuk keluarga, manakala keluarga akan membentuk kumpulan-kumpulan kecil yang dipanggil anggota masyarakat. Masyarakat majmuk pula bermaksud kepelbagaian yang bersifat semulajadi atau fitrah, dengan kerjasama dan kesefahaman pelbagai etnik maka akan wujud suasana yang aman dan damai dalam negara.

Di Malaysia, masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai etnik telah membentuk satu kesatuan. Golongan etnik di Malaysia terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain etnik. Mereka hidup bersama dan bersatu padu khususnya dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Suasana masyarakat Malaysia yang pelbagai bangsa, agama dan budaya tetapi masih dapat hidup dalam suasana aman dan damai. Keadaan penyatuan seperti ini dikenali sebagai pluraliti. Dalam Islam, pluraliti merujuk kepada penyatuan dalam kepelbagaian atau penyatuan pelbagai bangsa dan etnik.

Kemunculan teknologi digital moden dalam perkembangan IR4.0 telah mengurangkan penggunaan tenaga manusia atau manual, dengan menukar pengoperasian kepada sistem automatik melalui sistem berkomputer atau format yang boleh dibaca oleh komputer (Hermann, Pentek & Otto 2016). Teknologi digital ini telah mewujudkan ruang maya untuk melakukan semua jenis aktiviti dan mendapatkan maklumat. Dari sudut komunikasi ia menunjukkan kecekapan dalam penghantaran maklumat, dan lebih dinamik tanpa halangan ruang dan masa. Alat digital yang selalu digunakan seperti telefon pintar yang berasaskan internet dapat menghubungkan manusia melalui media sosial seperti Facebook, YouTube, Instagram dan lain-lain lagi telah memudahkan interaksi antara manusia (Wood, et.al. 2017).

Keadaan ini telah membentuk sebuah masyarakat dengan gaya hidup yang baru yang bercirikan masyarakat pascamoden seperti sekularisme yang ekstrim, individu melawan masyarakat, kebebasan manusia, gerakan hak asasi manusia dan hak untuk mencabar norma budaya dan nilai keagamaan (Vitz, 2016; Kim & Heo, 2018; Wang & Siau, 2019; Pratama, 2019). Dalam Islam, manusia dikurniakan Allah bentuk dan struktur badan yang ideal, yang mana di dunia ini mereka mempunyai tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi. Allah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud:

Dan ingatlah sewaktu kami katakan kepada malaikat, sesungguhnya Aku akan menjadikan (manusia) khalifah di bumi.

(Al-Baqarah:30)

Hal ini menunjukkan nilai kemanusiaan sebagai asas hubungan kepelbagaian etnik, malah Islam sendiri melarang sesuatu kaum atau masyarakat bersifat assabiyah iaitu bersifat perkauman yang melampau bagi mengelakkan pertelingkahan dan pergaduan antara kaum. Ketergantungan manusia kepada teknologi dalam IR4.0 menunjukkan suatu interaksi individu

terhadap alat digital sehingga hilangnya rasa sentuhan dengan manusia, dan interaksi dengan masyarakat juga semakin pudar. Keterikatan manusia kepada teknologi sehingga mampu memperlahankan fungsi mental (Ali et. al. 2017) sehingga membentuk manusia tanpa jiwa yaitu manusia yang kehilangan nilai kemanusiaan. Manusia dan kemanusiaan akan tergugat apabila perkembangan manusia terganggu dengan kebangkitan konsep transhumanisme yaitu kecenderungan manusia bertindak sebagai mesin atau lebih tepat lagi berfungsi seakan-akan peralatan tidak bernyawa berciri kepantasan kecekapan, kecerdasan dan tanpa henti (Badhrulhisham, Johar & Rashid 2019).

Penglibatan teknologi yang digunakan dalam IR4.0, misalnya *Artificial Intelligence* (AI) membantu meningkatkan produktiviti tenaga kerja manusia, *Blockchain* pula akan membantu memberi akses perbankan, dan robot akan membantu manusia menyelaraskan *Return of Investment* (ROI) (Wood, et.al. 2017). Industri 4.0 terus membangunkan teknologi baru yang bermatlamatkan keuntungan demi keuntungan dan meniadakan peranan manusia. Lebih membimbangkan apabila teknologi ini mampu mencabar norma budaya dan nilai keagamaan dalam masyarakat. Penggunaan teknologi baru tanpa kawalan ini juga memberi kesan negatif kepada manusia dari segi memperlahankan fungsi mental kerana keterikatan mereka kepada teknologi (Ali et. al. 2017).

PENERAPAN HUBUNGAN ETNIK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DALAM MENGHADAPI CABARAN IR4.0

Nabi Muhammad SAW diutus bagi membawa rahmat kepada Islam, manakala Piagam Madinah adalah sebagai bukti Islam mengiktiraf kepelbagaian etnik. Menurut Muhammad (1987), hubungan etnik merupakan perhubungan masyarakat yang disusun oleh Islam antara orang Islam dan bukan Islam ditegakkan di atas dasar kebaikan, kemuliaan, keadilan, permesyuaratan, dan tolong-menolong serta mencegah dari keburukan yang boleh menghancurkan masyarakat. Penghormatan terhadap manusia ialah dengan menghormati jiwa manusia itu sendiri tanpa melihat agama dan etnik. Islam sentiasa menjalin perhubungan antara orang Islam dengan bukan Islam atas asas-asas yang kemas dan padu merangkumi sifat toleransi, keadilan, amal kebajikan dan belas kasihan yang belum pernah ditemui oleh sejarah kemanusiaan sebelum Islam (Yusuf, 1989). Maka, penganut Islam dituntut berbuat amal kebajikan dan melaksanakan keadilan kepada seluruh manusia biarpun orang itu terdiri daripada orang bukan Islam selama mereka tidak menentang Islam. Perhubungan etnik mestilah berpaksi kepada teori ajaran Islam yang komprehensif dan menyeluruh di mana al-Quran menjelaskan hikmah kejadian manusia yang pelbagai etnik.

Malaysia adalah sebuah negara yang masyarakatnya majmuk yang terdiri daripada pelbagai etnik, manakala setiap kaum mempunyai agama, kebudayaan, bahasa, dan adat resam tersendiri. Etnik yang terdapat di Malaysia seperti seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Bajau dan sebagainya. Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia adalah disebabkan oleh perkembangan industri bijih timah dan getah yang pesat di sekitar abad ke-19. Walaupun etnik tersebut tinggal di dalam sebuah negara dan dibawah satu sistem politik, namun masing-masing tetap dengan tradisi, identiti, adat resam, budaya, dan agama mereka.

Kemajmukan masyarakat Malaysia dengan kombinasi kaum haruslah menjadi pertimbangan dalam menggariskan kaedah dan cara perjuangan Islam. Kemajmukan penduduk di Malaysia tidak menghalang kepada pelaksanaan Islam sepenuhnya. Malah, penyatuan diantara berbilang bangsa, agama, kaum dan etnik didalam negara ini adalah dengan mencontohi corak pemerintahan yang diaplikasikan oleh Nabi Muhammad S.A.W dalam memerintah Negara Islam Madinah.

Seiring dengan pembangunan teknologi internet, cara hidup manusia juga telah banyak mengalami perubahan (Mohd Ayub, Zainal Abidin & Suwirta, 2014). Istilah anak-anak generasi Z (Gen-Z) merupakan generasi yang membesar dengan kecanggihan teknologi IR4.0 dengan kemampuan digital, kecerdasan canggih dan pintar. Gen-Z ini merupakan genre yang terkomputerisasi, mereka memiliki sikap pemahaman dan artikulasi khusus. GenZ mengeksploitasi aset luar biasa dari internet dan membuat inovasi yang terkomputerisasi menjadi sesuatu yang imajinatif, inventif dan ekspresif (Majidah, Dian Hasfera & M. Fadli 2019).

Kepesatan teknologi dalam IR4.0 menyebabkan kanak-kanak terpaksa membesar dalam persekitaran yang mempunyai lambakan kemudahan akses kepada maklumat tanpa sempadan (Miftachul et al., 2017). Mereka mengalami perubahan gaya hidup yang ketara ekoran daripada pengaruh teknologi moden dalam kehidupan. Perkembangan dari kanak-kanak hingga ke usia remaja kini banyak dipengaruhi oleh agen sosialisasi seperti media. Malah media juga berperanan mempengaruhi pendidikan, tingkah laku dan keperibadian kanak-kanak (Stapa, Ismail & Yusuf, 2012). Kecanggihan teknologi ini bukan sahaja memberi kebaikan malah manusia akan berhadapan dengan risiko seperti siber-sindrom, penafian kehidupan realiti, dan sebagainya (Kim & Heo, 2018).

Hal ini telah memberi cabaran kepada kepelbagaian etnik yang tinggal di dalam negara untuk saling memahami antara satu sama lain, bersatu-padu, saling membantu dan bertoleransi antara satu sama lain. Di dalam Al-Quran juga telah ditunjukkan bahawa Allah S.W.T menyuruh umat-Nya untuk bersatu sesama sendiri atau dengan kaum lain. Allah S.W.T membenci mereka yang berperasaan hasad dengki terhadap dengan kaum lain. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah adalah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”

(Al-Hujurat: 13)

Sebagai sebuah agama yang syumul, Islam mengiktiraf kewujudan masyarakat majmuk sebagai satu hakikat sosial yang ditentukan oleh Allah S.W.T. Kepelbagaian bangsa yang wujud tidak seharusnya dianggap sebagai satu unsur perpecahan. Islam telah menganjurkan konsep persaudaraan sejagat tanpa membataskan bangsa dan keturunan, warna kulit, kedudukan sosial seseorang malah melampaui batas sempadan geografi. Allah S.W.T. telah memperingatkan kepada manusia seluruhnya supaya mempunyai perasaan saling mengerti sesama mereka, hormat-menghormati serta hidup dalam keadaan aman dan damai. Penilaian kemuliaan kedudukan seseorang adalah berteraskan kepada konsep ketakwaan, iaitu beriman dan sentiasa menjalankan tugasnya seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T.

ELEMEN-ELEMEN HUBUNGAN ETNIK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dalam kehidupan sosial, perlunya aplikasi hubungan etnik yang baik seperti kemesraan, komunikasi, ziarah menziarahi, mengambil berat, saling hormat menghormati, dan menghormati amalan kaum lain. Dalam Islam, terdapat beberapa elemen penting yang patut dipraktikkan dalam masyarakat bagi mengekalkan hubungan antara etnik yang baik dan harmoni.

1. Saling bekerjasama (Ta'awun)

Dalam Islam, konsep saling bekerjasama antara manusia amat dititikberatkan tanpa mengira bangsa atau agama selagi ia tidak menjurus kepada kemaksiatan dan bertentangan dengan akidah Islam. Malah Islam amat menggalakkan kerjasama sejagat dalam pelbagai bidang dan ilmu agar kemajuan dan keharmonian negara dapat dicapai (Norafifah, 2014). Kerjasama yang diberikan bukan sahaja untuk sesama bangsa dan agama tetapi tanpa mengira bangsa dan agama, seperti kerjasama dalam bentuk tenaga, harta, masa dan sebagainya. Justeru, dengan adanya keharmonian hubungan sosial dengan sikap tolong menolong, bekerjasama, dan saling membantu yang ditonjolkan oleh pelbagai bangsa dan agama akan dapat mewujudkan suasana perpaduan dan kemajuan dalam sesebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia.

2. Saling berkenalan (Ta'ruf)

Ta'ruf atau berkenalan bermaksud mendalami seseorang untuk tujuan menimbulkan perasaan kasih sayang. Pengenalan ini bukan sahaja pada nama dan tempat tinggal sahaja malah lebih dari itu seperti mengetahui latar belakang, kedudukan, keperibadian, corak kehidupan, budaya bangsa, etnik asal dan sebagainya. Keadaan ini akan berlaku sekiranya masyarakat hidup dalam suasana kehidupan yang mesra dan saling mengenali antara satu sama lain. Allah SWT amat menyukai manusia yang selalu menunjukkan kasih sayang sesama manusia. Firman-Nya yang bermaksud,

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)”

(al-Hujuraat: 13)

Allah SWT menciptakan manusia dengan pelbagai warna kulit, kaum, bangsa dan keturunan agar mereka dapat saling mengenali dan berbuat baik dalam suasana kehidupan yang aman dan sejahtera tanpa permusuhan. Hal ini kerana permusuhan hanya akan merugikan dan tidak mendatangkan keuntungan kepada mana-mana pihak (Norafifah, 2014). Justeru, ta'ruf merupakan elemen penting dalam kehidupan bermasyarakat pelbagai kaum di Malaysia bagi mencapai sebuah negara perpaduan yang harmoni.

3. Saling berkasih sayang (Mahabbah)

Setiap manusia dikurniakan oleh Allah SWT dengan sikap berkasih sayang tidak kira bangsa, agama dan etnik. Sikap saling berkasih sayang ini merupakan salah satu nilai kemanusiaan yang harus dipupuk dan disemai dalam setiap diri anggota masyarakat. Hal ini kerana ia mampu mengikat hubungan mesra dan belas kasihan terhadap masyarakat berlainan etnik dan agama. Apabila hati sudah mulai sayang maka terhindarlah dari perasaan membenci, hasad dengki dan bermusuhan antara satu sama lain (Norafifah, 2014).

Elemen saling berkasih sayang akan semakin terbina apabila asas dalam berkasih sayang itu dihayati dengan baik. Malah dalam Islam, perasaan melebihi orang lain berbanding diri sendiri adalah tahap tertinggi dalam berkasih sayang, ia juga disebut sebagai perasaan empati iaitu kemampuan individu untuk menyelami dan mendalami perasaan seseorang. Justeru, apabila wujudnya perasaan saling berkasih sayang ini dalam diri individu maka dia tidak akan lagi mementingkan diri sendiri semata-mata tetapi dia akan selalu berusaha untuk memikirkan kesusahan dan kepayahan orang lain tanpa mengira etnik, bangsa dan agama. Di sini menunjukkan Islam sebagai agama yang indah dan sentiasa mementingkan nilai kemanusiaan sesama manusia.

4. Saling memahami (Tafahum)

Hidup bermasyarakat mestilah bermula dengan saling memahami agar dapat melahirkan masyarakat yang saling menyayangi. Tafahum merupakan elemen penting dalam mewujudkan kehidupan masyarakat pelbagai etnik, bangsa dan agama yang harmoni dan sejahtera. Apabila masyarakat hidup dalam saling memahami maka segala prasangka dan salah faham dalam kehidupan sosial dalam dielakkan. Mereka yang saling memahami akan lebih menghormati asas agama dan budaya kehidupan berbilang kaum di Malaysia. Selain itu, mereka juga akan lebih bertanggungjawab terhadap negara dan saling menasihati dalam kehidupan majmuk agar dapat mengelakkan persengketaan, permusuhan, dan perbalahan antara kaum.

Pergaulan antara masyarakat Islam dan bukan Islam mestilah lebih bertolak ansur dan menjaga adab pergaulan. Misalnya kehidupan kejiranan yang berlainan bangsa, mereka hendaklah menghormati budaya dan adab bangsa lain seperti ketika mengadakan kenduri perayaan atau perkahwinan. Selain itu, kehidupan kejiranan berlainan bangsa juga perlu menjaga interaksi dan komunikasi dengan baik seperti menziarahi jiran ketika sakit. Justeru, elemen saling memahami antara satu sama lain dalam masyarakat disamping berpegang teguh kepada ajaran agama dan mengekalkan nilai-nilai murni amat penting dalam usaha kearah perpaduan nasional dan keharmonian dalam masyarakat (Norafifah, 2014).

5. Saling menjamin (Tadhamun)

Elemen saling menjamin dalam masyarakat akan melahirkan perasaan tanggungjawab dalam diri untuk membantu antara satu sama lain tanpa mengira agama, bangsa dan etnik. Misalnya masyarakat Islam membantu masyarakat lain dengan membayar zakat, memberi sedekah, wakaf, dan nafkah sebagainya. Kesemua ini dilakukan sebagai peranan saling menjamin kepada mereka yang memerlukan. Pada peringkat individu, mereka akan menjadi warganegara yang baik, pada peringkat keluarga pula mereka dapat menjaga hubungan baik dengan ibu, bapa dan keluarga. Manakala pada peringkat masyarakat, mereka dapat menjaga hubungan baik dengan masyarakat pelbagai etnik, bangsa dan agama.

6. Ikatan persaudaraan (Ukhwah)

Ikatan persaudaraan atau ukhwah dalam Islam meliputi seluruh anggota masyarakat. Manusia dicipta untuk saling mencintai dan berkasih sayang sehingga menimbulkan ikatan persaudaraan yang kuat. Kekuatan ikatan persaudaraan dalam masyarakat adalah suatu ikatan kerohanian yang akan melahirkan perasaan dalam diri seseorang untuk lebih belas kasihan, cinta, sayang dan menghormati diri dan orang lain. Semangat kejiranan yang dipupuk misalnya adalah seperti bangga dan sayang kepada masyarakat dalam kawasannya, kenal mengenali dan tolong menolong sebagai satu masyarakat.

Dalam Islam, ikatan akidah Islam, iman dan takwa amat penting dalam melahirkan umat yang sentiasa bersatu padu. Maka dalam konteks berlainan etnik, bangsa dan agama pula, hubungan persaudaraan Islam yang kukuh pula amat penting dalam mengekalkan dan

menjamin keharmonian serta kestabilan ekonomi, politik dan sosial (Norafifah, 2014). Ikatan persaudaraan ini bukan hanya terbatas kepada sesama agama dan bangsa sahaja namun ia terjalin merentasi agama, bangsa, keturunan, warna kulit, etnik dan sebagainya. Keadaan ini akan mempengaruhi masyarakat bukan Islam apabila mereka turut mengamalkan ikatan persaudaraan yang ditunjukkan oleh orang Islam. Mereka akan merasa lebih selamat dan dilindungi serta dilayan sama adil dalam masyarakat, hal ini merupakan suatu aspek penting dalam nilai kemanusiaan.

PRINSIP-PRINSIP ISLAM TENTANG NILAI KEMANUSIAAN DALAM KEPELBAGAIAN ETNIK DI MALAYSIA

KEBEBASAN

Prinsip kebebasan dalam Islam melarang sebarang paksaan, penghinaan, perhambaan, kebebasan beragama. Setiap anggota masyarakat perlu menerima hakikat manusia yang mendiami muka bumi ini memang dicipta oleh Allah dengan kepelbagaian latar belakang, warna kulit, bahasa, agama, cita rasa dan tingkah laku. Menurut perspektif Islam, kesemua perbezaan yang wujud ini boleh disatukan dan diharmonikan dengan mewujudkan ketakwaan kepada Allah S.W.T sebagai Pencipta. Islam juga menganjurkan agar menghormati peribadi orang lain. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.”

(Al-Hujurat: 11)

Selain itu, Islam meraikan perbezaan-perbezaan budaya luaran tetapi cukup tegas pada prinsip-prinsip ajaran Islam. Misalnya Islam tidak menentukan fesyen berpakaian dan terpulang kepada kesesuaian cuaca dan cita rasa sesuatu kaum, tetapi Islam menentukan prinsip-prinsip berpakaian seperti mesti menutup aurat dengan had-had tertentu bagi lelaki dan wanita. Islam juga memberi kebebasan kepada semua kaum dalam pengurusan kehidupan peribadi dengan berlandaskan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku.”

(Al-Kafirun: 6)

PEMUAFAKATAN

Prinsip pemuafakatan selalu dilihat dalam pemerintahan dan pentadbiran negara. Di Malaysia, masyarakat bukan Islam perlu menghormati agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan Malaysia, kedudukan Raja-Raja, hak keistimewaan orang Melayu, dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi negara. Perjanjian ini telah bermula sejak kontrak sosial yang

dibuat untuk Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1957. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian dengan memainkan peranan sentiasa mengamalkan pemaufakatan dalam masyarakat agar dapat mengelakkan sebarang perbuatan kekacauan, provokasi, keganasan dan sebagainya yang boleh mengakibatkan berlakunya konflik, rusuhan dan kekacauan dalam negara. Prinsip pemuafakatan ini penting kerana Malaysia adalah sebuah negara pelbagai bangsa dan agama, maka terdapat banyak isu-isu yang sensitif dalam masyarakat. Oleh itu, setiap anggota masyarakat perlu mengetahui peranan masing-masing dalam penyatuan bangsa Malaysia yang harmoni berdasarkan nilai-nilai murni yang diajar oleh agama, budaya dan kaum masing-masing.

KEADILAN

Prinsip keadilan yang ditegakkan dalam Islam adalah seperti dalam menjatuhkan hukuman, pengagihan kekayaan, pendidikan dan sebagainya. Dalam negara pelbagai bangsa seperti Malaysia, hak-hak orang bukan Islam tetap dijaga dengan adil dan dilindungi oleh Perlembagaan Malaysia. Mereka telah menikmati hak-hak mereka seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan hak tersebut juga selari dengan hak kepada bukan Islam yang diberikan oleh Islam. Hak-hak tersebut seperti mereka bebas menganut dan mengamalkan agama dengan aman dan damai, bebas mendirikan rumah ibadat, bebas makan, minum dan berpakaian mengikut kebudayaan sendiri, bebas mencari rezeki, bebas memiliki dan mengurus harta, bebas memilih pemimpin sendiri, mendapat hak pendidikan dan kesihatan, terjamin dari segi keselamatan hidup, bebas mendapat keadilan dari segi undang-undang dan sebagainya.

KESIMPULAN

Nilai kemanusiaan merupakan aspek penting dalam membentuk sikap dan karekter dalam diri seseorang. Nilai kemanusiaan ditunjangi dengan sifat seperti berkasih sayang, berkebajikan, mencintai kebenaran dan kedamaian, berlemah lembut dan sebagainya. Nilai-nilai kemanusiaan ini dapat diintegrasikan dalam pengekalan hubungan baik sesama manusia tanpa mengira bangsa, agama dan budaya dalam masyarakat. Dalam menghadapi arus pemodenan, berlakunya perubahan sikap dan karekter seseorang yang menerima inovasi teknologi yang dibawa oleh perkembangan Revolusi Industri 4.0. Rentetan itu, usaha untuk memperkukuhkan nilai-nilai kemanusiaan dalam budaya pelbagai etnik di Malaysia harus dilakukan dengan mengambilkira nilai-nilai Islam seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Kemajuan teknologi dan penerapan nilai-nilai kemanusiaan Islam di Malaysia perlu seiringan dan tidak boleh diabaikan bagi mengekalkan keharmonian etnik. Kesedaran dikalangan masyarakat pelbagai etnik ini penting bagi mewujudkan sebuah negara yang bukan sahaja maju dalam teknologi malah dalam kemajuan bangsa itu sendiri yang mana kedua-dua ini adalah asas dalam perkembangan tamadun manusia.

RUJUKAN

- Abdul Khalil, A., Othman, M. K. & Saidon, M. K. 2020. Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *Islamiyyat* (Isu Khas) 42: 13 – 20
- Burange, A. W. & Misalkar, H. D. 2015. Review of Internet of Things in development of smart cities with data management & privacy. *International Conference on Advances in Computer Engineering and Applications*, Ghaziabad, 2015: 189-195.
- Haas, B. 2017. *China Bans Religious Names for Muslim Babies in Xinjiang*. The Guardian, (April 24, 2017) World news. Retrieved from <https://www.theguardian.com/world/2017/apr/25/china-bans-religious-names-for-muslims-babies-in-xinjiang> (27 August 2020).
- Hermann, M., Pentek, T., & Otto, B. 2016. Design principles for industrie 4.0 scenarios. In System Sciences (HICSS). *2016 49th Hawaii International Conference on*: 3928-3937.
- Keoh, S., Kumar, S. and Tschofenig, H. 2014. Securing the Internet of Things: a standardization perspective. *IEEE Internet of Things Journal*. 1(3): 265-275.
- Kim, J., & Heo, W. 2018. A Study on Issues and Tasks of Humanity and Social Science in a Fourth Industrial Revolution Era. *Journal of Digital Convergence*, 16(11): 137–147.
- Norafifah, A. H. (2014). *Prinsip Islam Dan Nilai-Nilai Kemanusiaan*. (Dlm.) Mohd Faizal P. Rameli (ed.). Islam & Hubungan Etnik: Sorotan Sejarah & Isu Kontemporari Di Malaysia. Melaka: Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Melaka.
- Pratama, D. A. N. 2019. Tantangan Karakter Di Era Revolusi Industri 4.0 Dalam Membentuk Kepribadian Muslim. *Al-Tanzim: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 3(1): 198-226.
- Schwab, K. 2016. The Forth Industrial Revolution. *World Economic Forum*, 2016. Geneva.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. Modul hubungan etnik. Bangi, Selangor: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Vaidyaa, S., Ambadb, P. &, & Bhoslec, S. 2018. Industry 4.0 – A Glimpse. *2nd International Conference on Materials Manufacturing and Design Engineering*, 20: 233–238.
- Van Badham. 2017. *We can beat the robot, with democracy*. The Guardian. Retrieved from, <https://www.theguardian.com/commentisfree/2017/nov/03/we-can-beat-the-robots-withdemocracy> (11 August 2020).
- Vitz, P. C. 2016. The Role of the Family in the Transmission of the Moral Life. *Journal of Law, Philosophy and Culture*, 3(1): 181–198.
- Wang, W., & Siau, K. 2019. Artificial Intelligence, Machine Learning, Automation, Robotics, Future of Work and Future of Humanity: A Review and Research Agenda. *Journal of Database Management (JDM)*, 30(1): 61-79.
- Wood, J., Nguyen, T., Sharda, S. & Schlosser, A. 2017. ASEAN 4.0: What does the Fourth Industrial Revolution mean for regional economic integration? *White paper: World Economic Forum and the Asian Development Bank (ADB)*.